

## Haram Mengumpat

Rasulullah SAW ingin membataskan kefahaman para sahabatnya tentang perkara mengumpat ini dalam pengajarannya dengan cara soal jawab, lalu Baginda bersabda:

أَتَدْرُونَ الْغَيْبَةَ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ. قِيلَ:  
أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ؟ قَالَ: إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ اغْتَابْتَهُ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ  
فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ بَهْتَهُ

**Maksudnya:** “Tahukah kamu apa itu ghibah (mengumpat)? Para sahabat menjawab: Hanya Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih mengetahui. Baginda menyambung: Mengumpat itu, apabila kamu menyebutkan sesuatu yang dibenci oleh saudaramu! Sahabat bertanya: Bagaimanakah kalau sekiranya apa yang aku katakan itu memang betul ada pada saudaraku? Baginda menjawab: Kalau betul apa yang kamu katakan itu ada padanya, maka kamu sudah mengumpatnya. Dan kalau kamu katakan itu tidak ada padanya, maka kamu sudah menuduhnya.”

Riwayat Muslim (6758), Abu Daud (4876) dan al-Tirmizi (2059)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Apa yang biasanya dibenci oleh manusia ialah apabila disebutkan tentang bentuk dirinya, kelakuannya, keturunannya atau apa sahaja yang diceritakan tentang dirinya secara khusus, semua itu mestilah dihentikan.

Daripada Aisyah R.Anha katanya, aku pernah mengatakan kepada Nabi SAW:

حَسْبُكَ مِنْ صَفِيَّةَ (زَوْجِ النَّبِيِّ) كَذَا وَكَذَا، تَعْنِي أَنَّهَا قَصِيرَةٌ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَقَدْ قُلْتَ كَلِمَةً لَوْ مُرِجَتْ بِهَاءِ الْبَحْرِ لَمَزَجَتْهُ

**Maksudnya:** “Cukuplah si Safiyah itu (isteri Nabi SAW) begini dan begitu, (maksudnya dia itu pendek dan sebagainya), maka Nabi SAW bersabda kepada Aisyah pula: Kamu telah mengatakan sesuatu perkataan yang sekiranya dicampurkan dengan air laut sekalipun ia tidak akan mengubahnya.”

Riwayat Abu Daud (4877)

2. *Ghibah*, atau mengumpat itu bertujuan untuk menghancurkan orang lain, dan dia merupakan nafsu yang bekeinginan untuk merendahkan kehormatan orang lain, menodai kemuliaan dan kehormatan dirinya sedang mereka tiada di hadapan kamu. Itu tentulah suatu sifat yang rendah dan pengecut, kerana dia hanya berani menikam orang dari belakang, yang mana satu gambaran jiwa yang tidak praktikal. Ini adalah kerana mengumpat adalah seperti suatu penekanan kepada orang yang tidak berkuasa. Dia merupakan satu alat penghancur kerana orang yang suka mengumpat itu, jarang sekali terselamat daripada cengkamannya tanpa mencacat-mencaci atau melukakan hati.
3. Jika begitu tidak hairanlah jika al-Quran menyifatkan mengumpat itu sebagai sifat yang dikeji dan dibenci oleh budi yang mulia, sesuai dengan firman Allah SWT:

وَلَا يَغْتَبِ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُّدُبُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ

**Maksudnya:** Dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Apakah suka salah seorang kamu memakan daging saudaranya yang telah mati, tentu kamu akan menjijiknya, bukan?

(Surah al-Hujurat: 12)

4. Setiap manusia tentu sekali tidak ingin memakan daging manusia, maka bagaimana pula kalau daging itu adalah daging saudaranya sendiri? Bagaimana pula, jika dia dari daging saudaranya yang sudah menjadi bangkai?

5. Nabi SAW terus menerus memperkuat isi penerangan al-Quran itu dalam pemikiran setiap manusia, dan disemat di dalam hati sekiranya mendapat peluang untuk memperteguhkan dan menekankannya. Abdullah bin Mas'ud RA berkata:

كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَامَ رَجُلٌ، أَيُّ غَابَ عَنِ الْمَجْلِسِ، فَوَقَعَ فِيهِ رَجُلٌ مِنْ بَعْدِهِ. فَقَالَ النَّبِيُّ لِهَذَا الرَّجُلِ: تَخَلَّلْ! فَقَالَ: وَمِمَّ أَتَخَلَّلُ؟ مَا أَكَلْتُ لَحْمًا! قَالَ: إِنَّكَ أَكَلْتَ لَحْمَ أَخِيكَ

**Maksudnya:** “Suatu ketika di mana kami berada di majlis Nabi SAW, lalu tiba-tiba bangun seorang (meninggalkan majlis itu), kemudian ada orang mencacinya selepas banggunya dia itu. Maka Nabi SAW pun bersabda kepada lelaki itu: Muntahkanlah! Lelaki itu menjawab: Apa yang mesti aku muntahkan, aku tidak memakan daging? Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya kamu telah memakan daging saudaramu.”

Riwayat al-Tabarani (10092) dan perawinya adalah sahih

6. Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah R.Anhuma:

كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَهَبَّتْ رِيحٌ مُنْتِنَةٌ، فَقَالَ الرَّسُولُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتَدْرُونَ مَا هَذِهِ الرَّيْحُ؟ هَذِهِ رِيحُ الَّذِينَ يَغْتَابُونَ الْمُؤْمِنِينَ

**Maksudnya:** “Suatu ketika sedang kami berada di dalam majlis Rasulullah SAW, lalu dengan tiba-tiba kami tercium bau yang sangat busuk. Rasulullah SAW bertanya: Apakah kamu tahu, apakah bau busuk yang dibawa angin ini? Inilah busuknya bau orang-orang yang mengumpat orang yang beriman.”

Riwayat Ahmad (15164) dan perawinya thiqah

### Had Sempadan Keharusan Mengumpat

Semua dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah ini menunjukkan betapa sucinya kehormatan peribadi manusia dalam kacamata Islam. Namun begitu, terdapat pelbagai gambaran yang dikecualikan oleh ulama Islam daripada mengumpat

yang diharamkan, iaitu suatu pengecualian yang hanya boleh digunakan ketika berada dalam keadaan darurat sahaja.

Antara keadaan yang darurat itu ialah apabila orang yang teraniaya mengadukan hal dan perbuatan orang yang menzalimi dirinya, kemudian diceritakan apa yang tidak menyenangkan hatinya dari perkara yang benar-benar berlaku. Orang ini boleh menceritakan kezaliman yang menimpa dirinya, dan boleh membuat pengaduan ke atas orang menzaliminya. Allah SWT berfirman:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

**Maksudnya:** Allah tidak menyukai pendedahan perkataan yang buruk (kepada orang ramai), kecuali dari orang yang teraniaya, dan adalah Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Nisa': 148)

Adakalanya seseorang bertanya kerana ingin mengetahui tentang diri orang lain kerana mahu berkongsi dengannya mengenai perniagaan, ataupun dia mahu mengahwinkan puterinya kepada orang itu, ataupun dia ingin melantiknya untuk menjawat suatu kerja yang penting, maka inilah yang bertentangan dengan kewajipan memberikan nasihat dalam agama dengan kewajipan menjaga kehormatan orang yang ghaib, iaitu tidak ada di hadapannya. Tetapi dalam hal ini, kewajipan yang pertama adalah lebih penting dan lebih suci, kerana harus diutamakan dari yang lain.

Suatu ketika, Fatimah binti Qais datang menemui Nabi SAW untuk meminta nasihat baginda perihal dua orang lelaki yang menyembunyikan keadaan mereka yang datang untuk meminangnya, maka Nabi SAW tidak menyembunyikan keadaan mereka yang sebenarnya dengan berkata: "Yang pertama itu adalah papa kedana, tidak mempunyai sebarang harta! Manakala yang seorang lagi diumpamakan dengan lelaki yang tidak melepaskan tongkat dari tengkuknya, tegasnya dia suka memukul isteri." Seterusnya Baginda menyerahkan perkara itu untuk dipilih sendiri oleh wanita yang bertanya itu.

Antaranya ialah meminta fatwa, maka orang yang ditanya itu mestilah menceritakan perkara yang sebenar.

Antaranya yang lain lagi ialah memohon bantuan untuk mengubah kemungkaran, dan mestilah memberitahu perkara yang sebenar.

Di samping itu, jika ada orang yang mempunyai gelaran atau panggilan, atau sifat, atau namanya sememangnya begitu, yang mana apabila dipanggil dengan nama itu atau gelaran tersebut kelihatan kurang senang, akan tetapi dia memang sudah dikenali dengan nama atau panggilan tersebut seperti *si pincang*, *si buta* atau anak dara si wanita itu!

Antaranya lagi ialah mencatitkan para saksi dengan menyebutkan keaibannya supaya ditolak penyaksiannya, dan juga mencatitkan para perawi hadis dengan berita-berita yang disebutkannya. - Rujuk Kitab *Ihya' Ulumuddin* oleh Imam al-Ghazali pada fasal 'Bahaya Lisan' dalam bahagian *Rub'ul Muhlikat* (1/4 dari perkara yang membinasakan). Rujuk juga *Syarah Muslim*, oleh Imam Nawawi dan risalah '*Raf'ur-Ribah*' dalam hal-hal yang yang dibolehkan dari mengumpat, karya Imam al-Syaukani.

Oleh itu, asas yang dibolehkan mengumpat dalam gambaran ini adalah bergantung kepada dua perkara:

- Keperluan yang mendesak.
- Niat atau tujuan dari mengumpat itu.

Apabila tidak ada keperluan yang mendesak untuk menyebut sesuatu tentang orang yang ghaib dari hal yang tidak disukainya, maka tidaklah wajar hingga dia berani untuk melepasi benteng yang telah diharamkan ini. Jika keperluannya boleh diselesaikan dengan isyarat sahaja, tidak perlulah dia memilih jalan yang terang-terangan. Kalau cukup dengan mengatakan secara umum sahaja, maka tidak perlu pada pengkhususan.

Orang yang meminta fatwa hukum contohnya, jika dia mengatakan "*Apa pendapat kamu tentang seorang lelaki yang melakukan begini dan begitu...!*" Tidaklah perlu dia bertanya dengan mengatakan "*Apa pendapat kamu tentang si fulan bin si fulan yang melakukan ...*" itupun semuanya disyaratkan dia tidak menyebut sesuatu yang lain dari yang betul-betul berlaku, kalau tidak maka semua itu akan dikira dusta yang diharamkan.

Tentang niat dan tujuan pula, ianya adalah suatu perkara yang amat penting, kerana manusia itu tentulah dirinya lebih mengetahui tentang hakikat dorongannya dari orang lain. Niatlah yang menentukan tujuan perlakuannya sama ada membuat zalim atau memuaskan hati sahaja, juga di antara sekadar meminta fatwa hukum

atau sengaja hendak memburukkan orang lain, antara mengumpat atau mengkritik, antara maksud nasihat atau hendak menyebarkan keburukan orang. Seorang yang beriman itu, sebagaimana yang dikatakan, adalah lebih patut menghitung dirinya daripada seorang pemerintah yang jahat, ataupun seorang rakan kongsi yang kedekut.

Barangsiapa yang tidak mempunyai semangat yang baik seperti ini, dan tidak berkemampuan untuk mencegah dari perkataan-perkataan yang celupar itu dari mencemar kehormatan saudaranya, maka hendaklah sekurang-kurangnya dia menjauhkan dirinya dari duduk dalam majlis tersebut, ataupun cuba menarik perhatian orang-orang yang jahat ini kepada topik atau perbincangan yang lain. Kalau tidak, maka wajarlah dia dimasukkan ke dalam kumpulan orang-orang yang disebutkan Allah dalam firman-Nya ini:

إِن كُنتُمْ إِذَا مَثَلَهُمْ

**Maksudnya:** *Sesungguhnya kamu pun adalah sama dengan mereka!*

(Surah al-Nisa': 140)

### Mengumpat dan Mencaci (*Namimah*)

Apabila Islam menyebut sahaja perkataan *ghibah*, ia selalunya dikaitkan dengan suatu perkara lain yang mengikuti *namimah* itu, di mana ia juga diharamkan oleh Islam dengan suatu pengharaman yang amat keras di mana sifatnya itu dikenali sebagai *namimah*, iaitu mengadu domba atau mengumpat dan mencaci.

Adu domba ini bermaksud memindahkan kata-kata yang didengar dari seseorang lalu disampaikan pula kepada orang lain dengan tujuan jahat, mengeruhkan perhubungan baik diantara seorang dengan yang lain, ataupun dengan tujuan untuk menambah perselisihan yang sudah ada diantara keduanya.

Al-Quran al-Karim telah menurunkan ayatnya mencela perlakuan yang hina ini dari sejak permulaan zaman Kota Mekah lagi, iaitu ketika mengatakan:

وَلَا تَطْعَمْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءً بِنَمِيمٍ

**Maksudnya:** *Dan janganlah engkau mengikut setiap orang yang suka*

*bersumpah dan yang hina, yang suka membisik-bisikkan (fitnah) dan yang berjalan (ke sana ke mari) dengan mengadu domba.*

(Surah al-Qalam: 10-11)

Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ

**Maksudnya:** “Tidak akan memasuki syurga orang yang suka mengadu domba.”

Riwayat al-Bukhari (6056) dan Muslim (304)

Perkataan *qattat* dalam hadis itu ialah *nammam*. Seseengah pendapat mengatakan bahawa *Nammam* itu ialah orang yang duduk bersama-sama dalam satu kumpulan yang ramai, dan bercakap-cakap tentang sesuatu perkara, lalu mereka menambah-nambah (mereka-reka) perkara tersebut dengan tujuan untuk memfitnah. Tetapi *qattat* ialah orang yang mencuri dengar perbualan suatu kumpulan itu sedang mereka tidak tahu, dan kemudian menokok-tambah dengan sesuka hati cerita tersebut untuk tujuan memfitnah. Rasulullah SAW bersabda:

شَرَّ أُرْعَابِ اللَّهِ الْمَشَاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمَفْرُقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ، الْبَاغُونَ لِلْبُرَاءِ الْعَيْبِ

**Maksudnya:** “Sejahat-jahat hamba Allah ialah mereka yang berjalan membawa mulut, yakni mengadu domba, yang suka memecah-belahkan antara orang-orang yang berkasih sayang, yang mencacatkan orang-orang yang suci dengan kata-kata yang jahat.”

Riwayat Ahmad (18483)

Pada hakikatnya, apabila Islam berperanan untuk melenyapkan permusuhan dan mendamaikan antara dua orang yang berselisih faham, juga membenarkan juru damai itu menyembunyikan apa yang didengarnya dari kata-kata yang buruk, yang dikatakan seseorang itu kepada yang lain, dan menambah pula kata-kata yang baik dari mulutnya sendiri, yang tidak didengarnya dari salah seorang antara keduanya dalam suatu hal atau perkara, kerana dinyatakan di dalam sebuah hadis Nabi SAW:

لَيْسَ بِكَذَّابٍ مَّنْ أَصْلَحَ بَيْنَ اثْنَيْنِ، فَقَالَ خَيْرًا أَوْ نَمَى خَيْرًا

**Maksudnya:** “Tidaklah dikira berdusta, siapa yang mahu mendamaikan antara dua orang yang berselisih, lalu dikatakannya segala yang baik-baik atau dia menambah apa yang baik.”

Riwayat Abu Daud (4922) al-Tirmizi (2063) dan Ahmad (28033)

Islam sangat marah terhadap orang yang gemar mendengar perkataan yang buruk, lalu segera menyampaikan kepada orang lain untuk bermusuhan-musuhan atau kerana ingin menimbulkan fitnah, atau bertujuan untuk memporak perandakan hubungan antara satu sama lain supaya hancur dan binasa.

Orang seperti ini tidak hanya cukup untuk menyampaikan apa yang didengarnya sahaja, tetapi perasaan ingin memporak-perandakan yang ada pada diri mereka itu akan mendorong mereka untuk menambah sesuatu benda yang lain daripada apa yang mereka dengar, iaitu dengan mencipta sesuatu yang tidak didengarnya itu:

إِنْ يَسْمَعُوا الْخَيْرَ أَخْفَوْهُ، وَإِنْ سَمِعُوا

شَرًّا أَذَاعُوا وَإِنْ لَمْ يَسْمَعُوا كَذَّبُوا

*Jika mereka mendengar yang baik mereka sembunyikannya,  
sebaliknya mendengar,*

*Yang buruk mereka hebahkan, dan jika tidak mendengar  
apa-apa lalu mereka berdusta!*



### Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Ghazali berkata:** Menyaksikan maksiat, kejahatan dan menjadi saksi palsu adalah antara penyakit lidah dan hati yang amat merbahaya. Ianya menjadi punca kepada rosaknya iman dan seterusnya boleh membawa seseorang ke neraka jahannam.
- ❖ **Pujangga berkata:** Caci maki seorang penjahat adalah kehormatan bagi orang yang jujur.

### Kisah Teladan

Suatu ketika seorang lelaki datang menemui Umar bin Abdul Aziz, lalu dia menyampaikan sesuatu yang tidak baik tentang seorang temannya. Lalu Umar bin Abdul Aziz berkata kepadanya: Sekarang kami terpaksa menyiasat perkara ini! Jika kamu berdusta, maka kamu termasuk dalam golongan orang yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

**Maksudnya:** Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya.

(Surah al-Hujurat: 6)

Jika sekiranya kamu bercakap benar, maka kamu tergolong dalam kumpulan orang yang dikatakan oleh firman Allah SWT:

هَمَّازٍ مَشَّاءٍ بِنَمِيمٍ

**Maksudnya:** Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai).

(Surah al-Qalam: 11)

Tetapi, jika kami memaafkan kamu dengan syarat kamu tidak akan melakukannya lagi? Lelaki itu menjawab: Maafkan sahaja, wahai Amirul Mukminin, saya tidak akan mengulangi lagi perbuatan itu.

